

# **KURSUS BERKUALITI DI MTDC MULTIMEDIA**

**Pencapaian  
banyak  
dibantu  
oleh  
pensyarah  
dalam  
pelbagai  
bidang**

Old Man from Abd Aziz

**P**ENGAJIAN dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat semakin mendapat tempat di kalangan pelajar lepasan sekolah berikutan pasaran pekerjaan yang terbuka luas.

Antara institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan kursus dalam bidang berkenaan ialah MTDC Multimedia Academy di Blok K, UPM-MTDC Technology Incubation Centre 1, Serdang, Selangor.

Kelahiran akademi berkenaan adalah untuk menampung keperluan serta permintaan yang tinggi terhadap bidang multimedia.

Ketua Perancang dan Pembangunan, Mohd Razli Ibrahim, berkata idea melahirkan akademi itu bermula daripada syarikat penerbitan yang menghasilkan pelbagai program berkaitan multimedia, laman web dan interaktif.

Ini kemudian dibangunkan sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di bawah MTDC dengan menawarkan kursus berkaitan dengan bidang berkenaan.

"Akademi ini lahir selepas melihat potensi bidang multimedia untuk dimajukan dan ia ketika peringkat awalnya mempunyai siswa seramai 45 orang," katanya.

Menurutnya, perbezaan institusi pendidikan itu berbanding pusat pengajian lain ialah kelai-

nan modul pendidikannya yang berkualiti dan padat. Antara bidang yang ditawarkan ialah grafik, reka bentuk, animasi dan program.

"Kelebihan siswa mengikuti kursus diploma ditawarkan ialah lebih banyak latihan praktikal diberikan kepada mereka dan ini membantu memahirkkan diri dengan bidang berkenaan," katanya.

Bagi memastikan mereka dapat belajar dan berkarya di akademi berkenaan, pihak akademi menyediakan pelbagai kemudahan untuk siswa.


Antaranya ialah makmal komputer yang boleh dimanfaatkan siswa untuk pengajian asas, grafik, animasi, program dan projek.

Berhubung kursus yang ditawarkan akademi berkenaan menawarkan pengajian Diploma Multimedia merangkumi pengurusan, program dan animasi.

Malah, siswa yang mengikuti kursus berkenaan turut berpeluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi di universiti luar negara ia itu di New Zealand dan Scotland.

Sehingga kini, katanya, akademi berkenaan mempunyai 450 siswa dan ia dijangka terus bertambah.

Keupayaan lulusan akademi berkenaan terbukti apabila kelahiran graduan sulungnya



**BINCANG...perbincangan sering diadakan antara pensyarah dan siswa.**

menyuarakan pernaian pelbagai syarikat yang mengambil mereka bekerja dalam bidang berkenaan.

Pencapaian yang baik siswa berkenaan banyak dibantu 14 pensyarah berpengalaman dalam pelbagai bidang multimedia.

Selain itu, kedudukannya yang strategik berhampiran Cyberjaya turut membuka peluang kepada pelajar untuk melakukan latihan praktikal di beberapa syarikat multimedia.

Sebagai galakan untuk menarik minat pelajar dan masyarakat terhadap multimedia, akademi berkenaan bakal mengadakan Minggu Literasi Multimedia pada pada 26 hingga 30 Januari 2004.

Program berkenaan menyediakan kursus selama dua hari bagi Merekabentuk Laman Web dan Multimedia Grafik dengan bayaran hanya RM120 termasuk nota kursus dan makanan.

Bagi kursus selama tiga hari ditawarkan untuk Multimedia 3D dengan bayaran RM140, termasuk nota

## BINCANG...perbincangan sering diadakan antara pensyarah dan siswa.

kursus dan makanan.

Pelajar yang mengikuti pengajian di akademi berkenaan berpuas hati dengan pengajian dan kemudahan disediakan.

Haslinda Mohd Nasir, 18, memilih akademi berkenaan kerana mahu mendalami bidang multimedia yang kini memberikan peluang pekerjaan luas dan potensinya pada masa depan.

"Saya menerima galakan daripada ahli keluarga yang memberi dorongan untuk terbabit dalam bidang ini dengan kepakaran serta kemudahan yang ada saya yakin boleh berjaya," katanya.

Dia yang bercadang untuk mengambil jurusan pengurusan multimedia turut merancang melanjutkan pendidikan dalam bidang itu pada masa depan.

Rakannya, Siti Lijana Mustafa Kamal, 18, pula menerima dorongan daripada bapanya yang mahukan dirinya berjaya dalam bidang berkenaan.

"Ketika memilih untuk melanjutkan pendidikan, bapa saya memberikan galakan untuk memasuki akademi ini kerana anak rakannya sudah berjaya sebelum ini," katanya.

Dengan kemudahan yang ada katanya ia banyak membantu dirinya mendalami bidang multimedia secara teori dan praktikal.

Mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut boleh menghubungi akademi berkenaan di talian: 03-89414627/89414630.



RUJUKAN...perbincangan sering diadakan antara pensyarah dan siswa. 050003035  
buku rujukan.